AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

# فليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 35 | RABU 2 SEPTEMBER, 1987. | رابو 8 محرم 1408 | PERCUMA



## D.Y.M.M. utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah ke hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bersempena dengan hari ulangtahun yang ke-30 Hari Kebangsaan Malaysia pada 31 Ogos, 1987.

### MANISNYA IMAN

''HAI Muhammad! Jika anda merasakan sakit, taruhlah tangan anda di tempat yang sakit itu lalu ucapkanlah: ''Bismillah, aku berlindung dengan kemuliaan Allah dari bencana penyakit yang kuderita ini.'' Kemudian angkatlah tangan anda itu, lalu ulangi seperti tadi beberapa kali dengan jumlah yang ganjil.'' — Hadis Nabi riwayat At-Tarmizi dari Muhammad bin Salim.

## BERSAMA RAKYAT

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menyaksikan rekabentuk sebuah 'bumbun' yang digunakan oleh orang-orang darat untuk menangkap burung punai. — Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar dan Harun Rashid.

Berita lanjut dan lain-lain gambar disiarkan di muka 10 dan 11.

### PETIKAN TITAH

**"SIKAP bekerjasama dan tolong menolong adalah amat diperlukan terutama sekali apabila Negara Brunei Darussalam mencapai semula taraf kemerdekaannya kelak kerana dengan adanya kerjasama dari orang ramai, maka anasir-anasir yang berniat jahat tidak akan dapat bertapak di bumi Brunei yang bertuah ini."**

*Dititahkan pada 16 Ogos, 1983 di Istiadat Mengadap bagi Daerah Tutong sempena perayaan hari keputeraan ke-37 tahun.*

## Usaha ke arah pemikiran Pengajian Tinggi Islam

# PERLU SOKONGAN SEMUA PIHAK

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

PULAIE. — Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain berharap penerusan usaha menuju ke arah pemikiran-pemikiran pengajian tinggi Islam di negara ini perlu sokongan sekuat-kuatnya dari semua pihak.

Menurut Yang Berhormat, Pengajian Tinggi Islam telah bermula di Universiti Brunei Darussalam dengan adanya kursus Pengajian Islam untuk mencapai Izajah Pertama Sarjana Muda Sastera (Pendidikan) dalam bidang Pengajian Islam yang memberi penekanan kepada komposisi kursus keislaman dan lain-lain kursus yang berkaitan dengannya.

"Permulaan yang baik ini perlulah disokong dengan sekuat-kuatnya," kata Yang Berhormat ketika berucap merasmikan Seminar Pengajian Tinggi Islam selama dua hari di Pusat Dakwah Islamiah di sini pada 26 dan 27 Ogos lepas.

Menurut Yang Berhormat lagi di samping itu ada keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak mendesak yang antara lain memberikan pendidikan dan pelajaran serta melatih guru-guru agama yang berkemampuan untuk mengajar di peringkat menengah, seterusnya untuk meninggikan taraf pelajaran agama di negara ini dengan meluas dan mendalam.

"Kita juga sangat perlu memikirkan cara-cara pencapaian cita-cita dan hasrat yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai dengan kedudukan agama Islam itu di samping untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dalam bidang penyelidikan bagi menambah fakta-fakta ilmu pengetahuan," ujar yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama itu menegaskan bahawa Pusat Pengajian Tinggi Islam boleh dijadikan wadah bagi mencapai keperluan-keperluan dan kehendak itu.

Lihat muka 8

## Keselamatan jalan raya untuk semua

(Dari muka 2)

glamour dan tarikan kepada muda-mudi seperti bekerja di pejabat. Malangnya bidang pertanian tidak dapat menandingi tarikan-tarikan yang ada pada bidang-bidang pekerjaan yang lain dan dari itu bidang pertanian mempunyai tarikan yang amat rendah kepada rakyat yang mencari kerja.

* Marketing outlets atau saluran pasaran yang berkesan untuk menyalurkan hasil-hasil pertanian masih belum ada lagi. Sistem pasaran bagi petani-petani yang ada pada masa ini bergantung kuat kepada sistem orang tengah atau sistem cari pasar sendiri. Dalam sistem orang tengah yang akan banyak menerima untung ialah orang tengah dan yang rugi dan terhimpit ialah peladang itu sendiri. Dalam sistem ini peladang-peladang tidak akan dapat meluaskan bidang pertaniannya melainkan ia dapat jaminan dari orang tengahnya untuk membeli hasil-hasilnya itu dengan harga yang bersesuaian. Dalam sistem cari pasar sendiri pula, peladang-peladang terpaksa memikul dua tugas penting iaitu satu berladang dan yang satu lagi mencari pasaran untuk hasil-hasil ladangnya. Perkara ini tidak dapat dilalai-lalaikan kerana kebanyakan hasil ladang tidak tahan lama. Sistem ini menunjukkan betapa beratnya tanggungjawab dan risiko atau bahaya yang ditanggung peladang-peladang itu. Selain dari itu dalam kedua-dua sistem pasaran ini, peladang-peladang hanya akan mendapat ganjaran selepas ianya berhasil menjual hasil-hasil ladangnya, sedangkan hasil-hasil ini hanya dapat dilihat selepas ditanam dan dipelihara beberapa bulan. Dari itu ganjaran peladang-peladang dalam sistem-sistem pasaran ini kurang terjamin jika dibandingkan dengan makan gaji yang menerima bayaran bulan-bulan baik hujan atau pun tidak.

* Kita juga mengakui adanya kekurangan infrastruktur yang cukup untuk menggalakkan pertumbuhan bidang pertanian besar-besaran. Walaupun di pedalaman kita sudah dapat memberi kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan letrik, usaha-usaha untuk membuka ladang besar-besaran lengkap dengan irrigation system atau sistem taliair yang efisien dan dengan kakitangan belum banyak lagi diusahakan. Dalam keadaan alam sekitar yang selalu ditimpa banjir terutama di kawasan-kawasan yang sesuai untuk pertanian, sistem taliair yang berkesan menjadi salah satu faktor penting dalam memastikan maju atau mundurnya usaha-usaha kita dalam bidang pertanian ini.

Kurang percaya kepada kebolehan dan kemampuan diri sendiri dan salah anggapan mengenai dengan peranan pertanian juga memainkan peranan penting dalam hal ini. Banyak orang menganggap yang bidang pertanian ini tidak boleh dimajukan di Negara Brunei Darussalam ini kerana tanahnya tidak subur, buruh tidak ada dan lain-lain sebab lagi sehinggalah kita percaya kepadanya dan dari itu kita terus saja melupakan bidang pertanian ini . Malah ada setengah-setengah orang menganggap yang bertani itu adalah pekerjaan bagi orang miskin sahaja dan dari itu tidaklah patut usaha-usaha dibuat untuk memajukan dan mengembangkan lagi peladang-peladang ini sehingga berjaya seperti juga dengan peladang-peladang di negara-negara maju yang kebanyakannya kaya-raya dan juga peniaga-peniaga lain di Negara Brunei Darussalam ini.

Sikap dan anggapan seperti ini jika ada terutamanya kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam pertanian seperti pegawai-pegawai pertanian, sudah setentunya akan menjadi penghalang yang besar kepada perkembangan pertanian di Negara Brunei Darussalam ini.

* Kekurangan minat dalam bidang pertanian juga boleh timbul jika ejen-ejen yang bertanggungjawab dalam bidang ini seperti Jabatan Pertanian serta kakitangannya mengamalkan sikap mempertahankan status-quo atau keadaan sekarang atau yang lebih teruk lagi keadaan lagi dulu dan terus tidak mahu membuat apa-apa usaha mencari objektif-objektif atau direction pertanian baru yang harus dicapai pada masa-masa yang akan datang, mencari dan menyusun jalan untuk menjalankan rancangan yang telah diatur itu dengan berani, dan berkesan serta membuat evaluation dan perubahan-perubahan yang tertentu terhadapnya.

* Selain dari itu juga perhubungan dan persefahaman rapat di antara pegawai-pegawai pertanian dan peladang-peladang masih belum lagi dapat dicapai dengan memuaskan. Pada masa ini pegawai-pegawai pertanian yang ditugaskan di kampung-kampung masih lagi belum dapat melibatkan diri mereka dengan mendalam dan berkesan dalam bidang-bidang kemajuan dan perkembangan pertanian di kampung-kampung. Mereka hanya mempertahankan status-quo yang ada dan kurang melibatkan diri dalam merancang atau mensyorkan apa-apa jua perubahan dan pembaharuan yang perlu dan sesuai. Orang-orang kampung pula menganggap mereka sebagai pelawat sambilan saja dan dari itu tidak mahu menggunakan kebolehan mereka dengan baik dan berkesan.

Tujuan saya membentangkan perkara-perkara ini bukanlah untuk menyalahkan atau memperkecil-kecilkan siapa-siapa. Tujuan saya sebenarnya ialah untuk menyedarkan kita semua akan masalah-masalah yang kita hadapi dalam bidang pertanian ini, kerana saya berharap dengan adanya nanti kesedaran itu akan timbul azam yang kuat dari kita semua untuk sama-sama berganding bahu memikirkan dan mengatasi masalah-masalah ini demi untuk memperkembangkan pengeluarkan hasil pertanian di Negara Brunei Darussalam iaitu selaras dengan tema Pertunjukan Pertanian Negara pada tahun ini yang berbunyi "Bersama Ke Arah Meningkatkan Pengeluaran Hasil Pertanian".

## Peniaga-peniaga pasaraya diseru

# BANTU PETANI PASARKAN HASIL PERTANIAN

Untuk menyelesaikan masalah-masalah yang saya bangkitkan ini atau untuk melaksanakan hasrat tema Pertunjukan Pertanian hari ini, memerlukan bukan saja komitmen dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahkan yang tidak kurang penting juga, agensi-agensi dan pegawai-pegawai yang berkenaan seperti Jabatan Pertanian dan pegawai-pegawainya, orang ramai di Negara Brunei Darussalam khasnya peladang-peladang serta pihak swasta haruslah memainkan peranan masing-masing dengan teratur dan penuh dedikasi. Kita harus menyatukan tenaga semua untuk menuju dan mencapai hasil pengeluaran pertanian yang lebih tinggi dan menyusun semula ekonomi pertanian di Negara Brunei Darussalam ini.

Satu masalah penting yang kita harus hapuskan sama sekali ialah ketidakpercayaan kepada diri sendiri atau mental blockage mengenai dengan kebolehan untuk memajukan bidang pertanian ini. Kita mesti hapuskan sikap ini sama sekali dari pemikiran kita dan mulai dari sekarang kita haruslah mempunyai kepercayaan diri dan semangat yang tinggi dan mengamalkan sikap "boleh buat" atau "can be done attitude", bukannya sebaliknya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan kendur-kendurnya menyediakan apa-apa jua kemudahan yang diperlukan untuk mencapai hasrat ini, kita telah menghasilkan pegawai-pegawai pertanian yang bercalibre dengan ijazah-ijazah tinggi; sekolah pertanian telah diadakan, dan kemudahan-kemudahan penyelidikan juga telah disediakan untuk tujuan-tujuan mengawal penyakit tumbuh-tumbuhan dan mencari kaedah-kaedah baru atau breakthrough dalam pertanian. Selain dari itu kita juga pada masa ini sedang membuat kerja-kerja awal untuk perkara-perkara yang berikut:—

* Membentuk satu sistem pasaran yang sesuai dan berkesan ;
* Menyediakan lebih banyak tanah-tanah baru untuk pertanian baik secara commercial, small holding atau part-time. Ladang-ladang ini akan dilengkapkan dengan infrastruktur yang cukup seperti sistem taliair dan lain-lain lagi ;
* Membentuk satu sistem subsidi yang lebih berkesan ; dan
* Membentuk satu sistem pertanian dan pekerjaan dalam sektor pertanian yang boleh membukakan lebih banyak pekerjaan dalam bidang ini dengan jaminan yang lebih baik. Ini termasuklah bidang biotechnology dan Integrated Farming iaitu dengan menyatukan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan di satu tempat dan lain-lain.

Jabatan Pertanian dan pegawai-pegawainya haruslah memainkan peranan utama dalam memajukan lagi bidang pertanian ini. Jabatan Pertanian harus mempunyai matlamat-matlamat atau objektif-objektif perkembangan pertanian yang benar-benar progressive dan mencabar. Ianya harus melibatkan diri dalam aspek-aspek mempraktikkan teknologi-teknologi pertanian yang berupa pengeluaran atau production oriented dan bukannya semata-mata yang berupa penyelidikan atau research oriented sahaja. Apa-apa jua research atau penyelidikan yang dijalankan mestilah berupa amali yang boleh melibatkan pengeluaran hasil pertanian secara komersial. Kita masih lagi kekurangan kakitangan yang terlatih dan dari itu apa jua kakitangan yang ada haruslah digunakan untuk tujuan ini. Selain dari itu Jabatan Pertanian dan kakitangannya haruslah berusaha mencari jalan untuk membaiki sistem pemasaran hasil-hasil pertanian di Negara Brunei Darussalam ini, dan di samping itu pula berusaha untuk meningkatkan lagi cara dan sistem penyampaian dan latihan mengenai dengan teknik-teknik pertanian yang baik dan produktif kepada peladang. Perhubungan yang rapat dan bersefahaman yang erat bukan saja sesama pegawai-pegawai sendiri di jabatan ini, malah di antara pegawai-pegawai pertanian dengan peladang-peladang harus dijadikan objektif yang penting. Sifat progressive mesti disemai dan sifat 'malastah kuingau' atau 'tidak peduli' itu pula harus dikikis sama sekali.

Kepada orang ramai pula, saya ingin menekankan yang apa pun pihak kerajaan telah, sedang dan akan buat untuk memajukan lagi bidang pertanian ini tidak akan berhasil dengan tidak ada kerjasama dari mereka. Dari itu orang ramai juga harus menjalani perubahan mental dalam soal ini. Kita mesti membuat tekad untuk membuka kembali tanah-tanah ladang yang ditinggalkan yang pada masa ini hanya ditumbuhi lalang. Saya percaya Jabatan Pertanian bersedia memberikan apa-apa jua nasihat dan pertolongan ke arah ini. Kita boleh tanam pokok-pokok buah, sayur-sayuran dan lain-lain di tanah-tanah terbiar ini. Begitu juga dengan kawasan-kawasan di belakang rumah kita. Kawasan-kawasan ini boleh ditanami dengan sayur, nangka, pisang, piasau, mangga dan lain-lain seperti yang pernah dibuat pada masa-masa lalu. Para ibu bapa dan anak-anak boleh memainkan peranan penting dalam hal ini sekurang-kurangnya pada petang hari.

Kepada pihak-pihak swasta, terutama peniaga-peniaga pasar raya atau super-market saya juga berseru supaya jangan semata-mata menjual bahan-bahan makanan yang didatangkan dari luar sahaja dan tidak memberi peluang langsung kepada peladang-peladang tempatan untuk menyalurkan hasil-hasil pertanian mereka di kedai-kedai mereka. Perkara ini tidaklah sihat dan dari itu saya sangat-sangat berharap yang perkara ini akan dapat diatasi seberapa segera yang boleh. Perundingan dan persetujuan di antara peladang dan pihak swasta harus diadakan dengan segera dan pihak Jabatan Pertanian harus meneliti perkara ini dari masa ke semasa.

Inilah beberapa langkah yang harus kita semua ambil dan praktikkan untuk mencapai hasrat untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran pertanian kita seperti yang dihasratkan dalam tema pertunjukan pertanian hari ini. Jika perkara-perkara ini dapat kita amalkan dan laksanakan dengan tekun, jujur, amanah dan dengan dedikasi yang penuh saya penuh percaya

Lihat muka 8



MODEL sebuah sawah padi yang dibina di atas pentas Dewan Muhibbah lengkap dengan sebuah pondok kecil, talinting untuk menghalau burung pipit, sebuah dorong tempat menyimpan padi secara tradisi dan kelengkapan-kelengkapan lain yang diperlukan untuk kerja-kerja persawahan. Di sinilah majlis perasmian Pertunjukan Pertanian Negara 1987 disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-396

# SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

## Siri keenam

DARIPADA sahabat Jabir telah berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: Dajal besar itu akan keluar ketika agama Islam lemah dan sedikit penganutnya dan ketika ilmu agama berkurangan, dia mempunyai 40 hari menjelajah muka bumi, satu hari dari 40 hari itu bagai setahun lamanya, hari kedua seperti selama sebulan dan hari ketika selama satu minggu, kemudian hari-hari yang lain adalah seperti hari-hari kamu itu (dia menjelajah di bumi selama 14 bulan 2 minggu).

Ertinya: Dajal itu mempunyai keldai yang ditunggangnya, luas di antara dua telinganya 40 hasta, maka ia berkata kepada orang ramai: "Aku ini Tuhan kamu." Padahal ia buta sebelah, tetapi Tuhan kamu itu (Allah) tiada buta sebelah mata (tiada buta dan tiada cacat), tertulis di antara dua mata dajal itu perkataan (kafir) kaf,fa,ra huruf eja, dibaca oleh tiap-tiap orang Mukmin yang tahu menulis dan tiap-tiap Mukmin yang tiada tahu menulis.

Ertinya: Dia mendatangi segala tempat yang berair dan segala tempat air minum, yakni semua negeri dia menjelajah melainkan Al-Madinatul Munawwarah dan Mekah telah ditegah oleh Allah Taala dia memasuki keduanya, di pintu-pintu masuk Al-Madinah dan Mekah dikawal oleh Malaikat, bersama-samanya bergunung-gunung roti (banyaknya) dan manusia pada masa itu sangat dalam kesengsaraan melainkan siapa yang mengikut dia akan senang. Bersama-samanya dua sungai, saya lebih mengetahui akan keduanya daripada dia, suatu sungai ia kata syurga dan satu sungai lagi ia kata api, maka barangsiapa dimasukkan dia ke dalam sungai yang ia namakan syurga itu sebenarnya itulah neraka dan barangsiapa dimasukkan dia ke dalam sungai yang ia namakan neraka itu padahal itulah syurga.

Ertinya: Allah Taala menghantarkan bersama-sama dajal itu syaitan-syaitan yang bercakap kepada manusia (membuat propaganda), dan bersama-samanya suatu fitnah iaitu dia memerintahkan hujan, langit menurunkan hujan, maka langit pun menurunkan hujan menurut apa yang dilihat dan dipandang oleh orang ramai dan dia membunuh seorang kemudian ia menghidupkan semula orang itu menurut apa yang dilihat dan dipandang oleh orang ramai (sebenarnya orang itu tiada dapat dibunuhnya hanya pada pandangan orang sahaja seolah-olah telah dibunuh, dan orang itu orang Madinah, lepas itu dia mendustakan dajal itu bila dajal itu menyuruh ia mengaku bahawa dajal itu Tuhan, kemudian tiada dapat dajal mengapa-apakan dia selepas itu, (sebagaimana dalam hadis yang lain) kemudian tiadalah dapat dajal itu menguasai seseorang pun yang lain daripada orang itu, dan dia berkata: Hai manusia, tidakkah yang membuat seperti perkara tersebut hanya Tuhan 'Azza Wajalla? Maka orang-orang Islam lari berlindung di Gunung Dukhan di Negeri Sham, maka dajal itu datang dan mengepung orang-orang Islam itu dan bertambah berat kepungan dajal itu dan sengsaralah orang-orang Islam itu dengan kesengsaraan yang amat dahsyat.

Kemudian Nabi Isa bin Maryam turun ke dunia waktu sahur sebelum Subuh, maka ia berkata: Hai manusia, apa yang menegah kamu dari keluar memerangi dajal pendusta yang bid'ah itu? Orang Islam berkata: Ini suara laki-laki jin, maka orang-orang Islam pun pergi mendapatkan suara panggilan itu, tiba-tiba mereka dapati Isa bin Maryam Alaihis Salam (kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengenalkan sifat dan keadaan Nabi Isa dan dan juga Al-Imam Al-Mahdi dalam banyak hadis, tiada menjadi kesamaran kepada orang-orang Islam akan tiap-tiap sifat mereka itu). Dan ketika itu orang-orang Islam sedang hendak mendirikan sembahyang Subuh, maka disilakan Nabi Isa: Ya Ruhullah tampil ke hadapan (menjadi Imam sembahyang Subuh), maka Nabi Isa berkata: Silalah pemerintah kamu sembahyang Subuh dengan kamu (maka Al-Imam Al-Mahdi sembahyang Subuh menjadi imam dan Nabi Isa bermakmum dengan Al-Imam Al-Mahdi, sebagaimana dalam hadis yang lain), apabila selesai sembahyang Subuh maka mereka pun keluar memerangi dajal itu, ketika dajal melihat Nabi Isa ia kecut cabut lari sebagaimana luluh hancur garam di dalam air, maka Nabi Isa pergi menyerangnya dan membunuhnya, sehingga pokok-pokok dan batu-batu menyeru Nabi Isa ya Ruhullah ini dia Yahudi (di bawah-bawah pokok dan di celah-celah batu), maka tiadalah tinggal seorang pun daripada pengikut-pengikut dajal itu melainkan semuanya telah dibunuh oleh Nabi Isa (menurut dalam suatu hadis yang lain bahawa dajal itu seorang Yahudi dari penduduk Negeri Asfahan (Iran) Negeri Farsi, dan pengikut-pengikutnya daripada Yahudi Asfahan berjumlah 70,000 orang semuanya berpakaian yang hebat-hebat dan berhias).

Hadis riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam musnadnya dan telah ditashihkan dia oleh Al-Imam Al-Hakim dalam Al-Mustadrak dan rawi-rawinya semuanya Thiqaat (orang yang dipercayai). Dari At-Tasriihu bimaa tawaatara fi nuzuulil masiih.

Dan menurut Aqidah Ahlil Islam hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Ahmad dengan dua isnad, dan Ibnu Khuzaimah, dalam kitabnya As-Sahih, berkata Al-Hafiz Al-Haithami, orang-orang salah satu dari dua isnad Al-Imam Ahmad itu ialah orang-orang Rijaalus Sahih (menurut syarat Al-Imam Muslim).

Berkata Al-Imam At-Turmidzi hadis Nabi Isa membunuh dajal di bab Lud itu adalah hadis sahih, katanya dalam perkara Nabi Isa membunuh dajal itu diriwayatkan oleh sahabat-sahabat 'Imran bin Husain, Nafi' bin 'Utbah, Abi Barzah, Huzaifah bin Asid, Abi Hurairah, Kaisan, Osman bin Abi Al-'As, Jabir, Abi Umamah, Abi Mas'ud, Abdullah bin 'Amru, Samurah bin Jundab, Al-Nawwas bin Sam'an, 'Amru bin 'Auf dan Huzaifah bin Al-Yaman Radhiallahu Anhum. Tamat katanya.

Berkata Al-Hafiz Ibnu Kathir: Tujuannya iaitu sahabat-sahabat yang tersebut meriwayatkan perkara dajal dan perkara Nabi Isa Alaihis Salam membunuh dajal, adapun hadis-hadis yang menyebutkan perkara dajal sahaja sangat banyak, ia lebih sangat banyak tiada dapat dihitung kerana bertaburan riwayatnya dalam kitab-kitab hadis dan lain-lain dan banyak rawi yang meriwayatkannya, tersebut dalam hadis-hadis sahih, hadis-hadis hasan, dalam musnad-musnad dan lain-lain kitab hadis tamat katanya dari Al-'Aqidah.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar bahawa apa yang disebutkan oleh Aaabun bahawa Al-Imam Al-Mahdi sembahyang Subuh menjadi iman dan Nabi Isa menjadi makmum itulah yang telah disebutkan oleh hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, dari As-Sawaaiq.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 2 September hingga ke hari Selasa 8 September, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Berakhir | Mulai | |
| September | | | | | | | | | | | | |
| 2 | 12.22 | 3.26 | 3.27 | 6.26 | 6.27 | 7.35 | 7.36 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.13 | 6.14 |
| 3 | 12.22 | 3.25 | 3.26 | 6.25 | 6.26 | 7.35 | 7.36 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.13 | 6.14 |
| 4 | 12.22 | 3.24 | 3.25 | 6.25 | 6.26 | 7.34 | 7.35 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.13 | 6.14 |
| 5 | 12.21 | 3.23 | 3.24 | 6.24 | 6.25 | 7.34 | 7.35 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.13 | 6.14 |
| 6 | 12.21 | 3.22 | 3.23 | 6.24 | 6.25 | 7.33 | 7.34 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.13 | 6.14 |
| 7 | 12.21 | 3.21 | 3.22 | 6.23 | 6.24 | 7.33 | 7.34 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.12 | 6.13 |
| 8 | 12.20 | 3.20 | 3.21 | 6.23 | 6.24 | 7.32 | 7.33 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.12 | 6.13 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



SEBAHAGIAN dari para jemaah yang hadir di majlis membaca doa akhir tahun dan doa awal tahun yang diselajurkan dengan sembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah di Masjid Omar Ali Saifuddien sempena kedatangan Tahun Baru Hijrah 1408. — Gambar oleh Harun Rashid.

# BACAAN DOA AKHIR DAN AWAL TAHUN HIJRAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di negara ini menyambut kedatangan tahun baru Hijrah 1408 dengan berbagai majlis keugamaan bermula pada petang 25 Ogos lepas di seluruh negara.

Sambutan bermula dengan bacaan doa akhir tahun dan doa awal tahun yang diikuti dengan sembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah di seluruh masjid dan surau-surau.

Dalam sambutan yang diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain dan lain-lain pegawai kanan kerajaan.

Selain daripada itu Ceramah Hadis juga diadakan di masjid-masjid dan surau-surau yang dikelolakan oleh Bahagian Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Pusat Dakwah Islamiah.

Sempena sambutan itu juga satu ceramah khas mengenai peristiwa penghijrahan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Pengarah Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada malam 25 Ogos lepas.

# Hijrah mengandungi semangat kepahlawanan tegakkan Islam

MARILAH kita tingkatkan takwa kita kepada Allah Taala dengan taat menjunjung titah perintah-Nya dan berusaha menjauhi segala larangan-Nya.

Alhamdulillah, bersempena kita menyambut kedatangan awal tahun Hijrah 1408, sewajarnyalah kita menyingkap kembali lembaran sejarah hijrah bagi tujuan untuk menghidupkan semangat hijrah itu kepada kita semua. Kerana hijrah itu mengandungi semangat kepahlawanan, pengorbanan, kesabaran dan semangat waja pada menegakkan agama Allah. Sebagaimana kata ahli sejarah peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke Medinah itu adalah merupakan satu peristiwa besar yang telah memulakan satu zaman baru dalam risalah yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hijrah bermakna perpindahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah ke Kota Medinah pada bulan Rabiul awal 13 tahun selepas kerasulan Baginda atau kira-kira tahun 622 Masihi.

Dan hijrah Nabi itu boleh juga diertikan sebagai satu perpindahan dari bumi kejahilan, kebodohan, kezaliman menuju ke bumi yang akan membuka lembaran baru. Seorang bekas Syeikhul Azhar pernah berkata : 'Hijrah Nabi itu bukanlah bertujuan untuk melarikan diri dari medan perang, bukan pula semata-mata pindah dari satu negeri ke satu negeri lain, tetapi ialah perpindahan dan menjauhkan diri dari negeri penuh kekejaman serta kejahilan menuju ke negeri yang akan memancarkan kebenaran dan tauhid, suatu perubahan bagi memadamkan kegelapan iaitu kegelapan jiwa, kegelapan kepercayaan dan kegelapan masyarakat yang penuh kejahatan dan kerosakan.'

Di dalam Al-Quran diterangkan sebab-sebab dan tujuan hijrah itu seperti firman Allah dalam surah Al-Nahli ayat 41 tafsirannya :

*"Dan orang-orang yang berhijrah kerana Allah sesudah mereka dianiaya. Pasti kami akan memberikan tempat yang bagus kepada mereka di dunia. Dan sesungguhnya pahala di akhirat adalah lebih besar kalau mereka mengetahuinya."*

Kejayaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan berlakunya peristiwa hijrah ke atas diri Baginda dan pengikut Baginda, dapatlah kita simpulkan sejarah ringkas seperti berikut :

* Apabila sahaja Rasulullah Sallallahu Wasallam sampai di Kuba, langkah pertama dibuat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan membangunkan sebuah Masjid Kuba. Di mana nama ini masih kekal hingga ke hari ini. Pembinaan masjid itu tidak lain semata-mata sebagai tempat mendidik manusia ke arah ketakwaan kepada Allah.

* Orang-orang Muhajirin yang ikut serta hijrah bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semata-mata kerana agama, rela meninggalkan rumahtangga mereka di Mekah, mereka rela meninggalkan kehidupan mewah dan kekayaan di Mekah, apa yang ada pada mereka hanyalah semata-mata takwa kepada Allah, semangat itulah mengatasi segala-segalanya, orang-orang Muhajirin yang baru sampai di Kota Medinah telah diterima oleh masyarakat Ansar Medinah, golongan Ansar ini menganggap golongan Muhajirin sebagai saudara kandung mereka sendiri di mana golongan Muhajirin dan Ansar telah bersatu padu di bawah pimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu suatu perpaduan dan persefahaman yang tidak ada tolak bandingannya yang mana perlu dan wajib dicontohi.

Melihat kepada kesan-kesan yang wujud, asal dari terjadinya peristiwa hijrah itu, maka kita sebagai pengikut-pengikut Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, walaupun kita telah berada di zaman yang tidak menghendaki lagi kita berhijrah ke mana-mana khasnya kita di negara kita Brunei Darussalam ini, negara yang penuh keimanan dan kedamaian di mana agama Islam dan pengikutnya sedikitpun tidak menerima apa-apa ancaman dan gangguan. Soalnya, apakah sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adakah kita tidak mempunyai tanggungjawab untuk meneruskan perjuangan Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada menyebarkan dan menegakkan Islam dan ajaran yang suci itu? Apakah kita akan hanya hidup dengan hal kita masing-masing tanpa memperdulikan saudara-saudara Islam kita yang lain?

Sebenarnya tugas dan tanggungjawab menegakkan agama tidak pernah tamat dan tidak akan pernah berhenti hingga ke hari kiamat nanti. Dan ianya adalah menjadi tanggungjawab ke atas setiap yang mengaku dirinya sebagai pengikut Nabi




Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam pada itu, berjuang menegakkan Islam bukanlah semestinya dengan berjuang di medan perang.

Dan berjuang menegakkan Islam dan ajarannya itu bukan semestinya terhadap orang yang bukan Islam semata-mata akan tetapi berjuang menegakkan Islam dan ajarannya terhadap diri kita masing-masing adalah merupakan soal yang lebih utama.

Kerana Rasulullah pernah bersabda di dalam sebuah hadis Baginda ketika Baginda dan pengikutnya balik dari suatu medan perang sabdanya kira-kira bermaksud, *"Kita telah balik dari jihad yang kecil kepada jihad yang lebih besar. Lalu para sahabat bertanya, apakah ada lagi jihad yang paling besar, jawab Baginda : Jihad melawan dan memerangi hawa nafsu."*

Memang hawa nafsu manusialah yang biasanya menyebabkan seseorang lupa akan agamanya. Lupa akan kepercayaan, lupa akan dirinya seorang yang beragama Islam. Bahkan disebabkan hawa nafsulah menyebabkan seorang Islam dengan seorang Islam yang lain bermusuhan, berdengkidengkian. Bermegah-megahan dan berbagai-bagai lagi angkara dan keolahan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang dilakukan, termasuk menagih dadah dan perbuatan maksiat yang berpunca dari ketagihan dadah yang kononnya dapat memuaskan hawa nafsu dan menghilangkan kerungsingan.

Di dalam hal keadaan hawa nafsu yang menjadi musuh kepada kita, maka tidak ada cara lain dan tidak ada ubat lain yang dapat mengalahkan dan mengubati hawa nafsu yang jahat melainkan diri kita sendiri yang mesti memerangi dan mengubatinya iaitu dengan memperteguhkan dan memperkuatkan keimanan dan keyakinan kita terhadap Islam dan ajaran-ajaran Islam itu tidak lain adalah ihsan. Sebagaimana yang diajarkan Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu apa pun perbuatan dan amal kita hendaklah jangan dijauhkan dari Allah. Kerana Allah dan untuk mendapat keredaan Allah. Kerana kalaulah Allah itu di atas segala-galanya, maka apapun yang menghasut dan menjauhi kita ke arah kemungkaran dan kemaksiatan sama ada hawa nafsu yang datang dari dalam diri kita ataupun yang datang dari luar maka kita tidak akan tumbang dan kalah tersungkur kerana Rasulullah pernah bersabda yang maksudnya kira-kira:

*"Tidak melakukan zina seorang sedang ianya dalam beriman dan hampir diri kepada Allah dan tidak mencuri seorang pencuri sedang ianya beriman kepada Allah iaitu diri hampir kepada Allah dengan mengingat Allah."*

Begitulah seterusnya dengan perbuatan mungkar yang lain selagi berpegang kepada Allah kita tahu Allah melihat segala perbuatan kita. Maka sudah pasti segala kemungkaran dan punca-puncanya akan dapat dihindarkan. Inilah dia yang dikatakan jihad atau berjuang melawan hawa nafsu yang merupakan jihad yang lebih besar sebagaimana yang dikatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sempena kedatangan tahun baru Hijrah ini marilah kita hidupkan semangat hijrah yang pernah dihidupkan oleh Rasulullah 14 kurun yang lalu itu terutama dengan menghayati ajaran Rasulullah di dalam hadis baginda yang bermaksud kira-kira: *"Orang yang berhijrah itu ialah orang yang berhijrah meninggalkan apa-apa yang ditegah oleh Allah kepadanya dari melakukannya."*

# NASIHAT MENASIHATI DITUNTUT DALAM ISLAM

## *Menuju keredaan Allah*

NASIHAT menasihati adalah amat besar peranannya dalam kehidupan kita sehari-hari malah ianya merupakan satu perkara yang bernilai di sisi agama kita. Bahkan perbuatan menasihati seseorang dengan tujuan untuk menolongnya adalah sangat-sangat digalakkan iaitu diberi pahala oleh Allah Subhanahu Wataala bagi kita melakukannya asalkan perbuatan tersebut dilakukan secara ikhlas, jujur dan di jalan yang benar iaitu sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah An-Nahl ayat 125 yang kira-kira bererti : "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik".

Sebelum menghuraikan lebih lanjut mengenai dengan nasihat itu cuba kita analisa serba sedikit tentang apakah sebenarnya erti nasihat itu? Nasihat itu ertinya ajaran (peringatan, petunjuk, petua, teguran yang baik dan betul). Jadinya, bila kita melakukan perbuatan tersebut (menasihati atau menerimanya) haruslah dengan hati yang tulus ikhlas agar kita sama-sama mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala yang mana dari-Nya kelak kita akan memperolehi pahala sunat. Begitu juga bila kita menunjuk ajari seseorang perlulah kita beringat-ingat jangan sampai perbuatan kita keterlaluan. Perbuatan yang keterlaluan sangat ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala kerana ia boleh mendatangkan perkara-perkara yang kurang baik dalam perhubungan kita sesama insan.

Berbalik kita kepada masalah nasihat tadi, setelah kita faham dan memaklumi akan maksud dan pengertiannya maka perlu pula kita mengetahui bagaimana perlaksanaannya yang betul, kerana memang sesungguhnya kita mengakui bahawa kita adalah manusia biasa yang mempunyai sifat serba kekurangan serta sering pula membuat kesilapan. Oleh sebab itulah dalam kehidupan kita sesungguhnya kita perlukan bantuan sesama kita dari segi apa jua pun iaitu setakat yang terdaya untuk membantu dan dibantu. Dalam hal ini maka nasihat itu merupakan satu-satunya yang termasuk dalam perkara yang sangat-sangat kita perlukan dalam setiap detik kehidupan kita.

Umpamanya bila seseorang datang untuk meminta dan memerlukan nasihat kita maka hendaklah kita tunaikan dengan cara ikhlas dan jujur, dan jangan sekali-kali kita memandang rendah ke atas dirinya disebabkan ia mengharapkan nasihat dari kita. Jangan pula kita memaksa supaya nasihat kita seratus peratus mesti diterima kerana ini harus kita pertimbangkan dengan akal fikiran yang wajar sebab kita juga sama-sama hamba Allah yang memiliki sifat kekurangan, jadinya mana-mana nasihat yang baik haruslah diikut dan mana yang kurang baik hendaklah dibuat sempadan. Di samping itu juga harus diingat bahawa jangan pula setelah kita menasihati seseorang, kemudian kita ceritakan pula kepada orang lain serta dihina-hina akan keadaannya, perbuatan seperti ini adalah sangat-sangat ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala yang tidak suka melihat hamba-Nya menghina dan memperkatakan kekurangan-kekurangan sesama saudara-saudaranya.

Perlu kita ambil perhatian bahawa dalam proses kehidupan kita di dunia ini kita sentiasa bertembung dengan gejala-gejala yang boleh merosakkan kehidupan kita. Ini adalah suatu hakikat yang tiada dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Justeru kerana itu amat banyak di antaranya yang telah tersalah langkah lantaran lupa dan khayal terhadap aneka ragam kehidupan yang menarik dan mempersonakan. Dalam pada itu terdapat pula di antara kita yang menyedari akan kesilapan mereka itu. Maka dalam hal yang demikian sewajarnyalah yang salah dibetulkan, yang bengkok diluruskan iaitu sesuai dengan dasar hidup Muslim yang berasaskan kehidupan bertolong-tolongan antara satu sama lain.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, kira-kira bermaksud : "Tiada beriman seseorang itu sehingga ia cinta kepada saudaranya sebagaimana ia cinta kepada diri sendiri."

Dalam makna yang lain Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan kita bahawa iman kita tidak akan lengkap seandainya kita hidup hanya memikirkan keberuntungan diri sendiri tanpa memperdulikan saudara kita yang lain. Dalam hal ini termasuklah sikap memejamkan mata pada melihat perkara-perkara buruk dan silap yang dilakukan oleh saudara-saudara kita sedang kita sendiri mengetahui di mana betulnya.

## Peraduan Menulis Khat ASEAN

# MALAYSIA DAN INDONESIA HAMPIR MEMENANGI SEMUA BAHAGIAN

Oleh Zubaidah HS

Gambar-gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

PULAIE. — Peraduan Menulis Khat ASEAN bagi kali kedua anjuran kerajaan kita telah pun diumumkan keputusan dan seterusnya penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah di sini pada 25 Ogos lepas.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.

Peraduan Menulis Khat ASEAN yang dibukakan sejak bulan April lepas telah menerima penyertaan seramai 63 orang, dengan karya berjumlah 153 buah. Ini berbanding dengan penyertaan pada kali pertama pada tahun 1985 dengan penyertaan 46 orang dengan karya 110 hasil tulisan.

Peraduan yang dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori A, Kalimah, B, Surah dan C, Ayat dan Hadis, hampir keseluruhannya digondol oleh peserta-peserta dari Malaysia dan Indonesia, yang mana dalam Kategori A sahaja, pemenang pertama jatuh kepada Ibrahim bin Embong, Malaysia, kedua, Mohd. Aris bin Atan, Malaysia dan ketiga, Haji Wan Abdullah bin Wan Puteh juga dari Malaysia. Sementara ketiga-tiga hadiah penghargaan dalam kategori ini dimenangi oleh peserta dari Brunei Darussalam.

Dalam Kategori B pula, hadiah pertama telah dimenangi oleh Didin bin Sirajuddin dari Indonesia, tempat kedua, Haji Wan Abdullah bin Wan Puteh, Malaysia dan tempat ketiga, Haji Amir Hamzah bin Zaman dari Indonesia. Dalam kategori ini ketiga-tiga hadiah penghargaan juga dimenangi oleh peserta dari Indonesia.

Seterusnya dalam Kategori C, tempat pertama dimenangi oleh Ishak bin Yahya, Malaysia, tempat kedua dimenangi oleh Awang Sabtu bin Surat dari Brunei Darussalam dan tempat ketiga Haji Abdullah bin Jaafar juga dari Brunei Darussalam. Sementara tiga hadiah penghargaan dalam kategori ini dimenangi oleh dua peserta Brunei Darussalam dan seorang peserta Malaysia.

Dalam tiap-tiap kategori para pemenang pertama telah menerima hadiah yang berupa wang tunai serta sijil penyertaan sebanyak B$2,500.00, tempat kedua B$1,500.00 dan tempat ketiga B$1,000.00. Manakala tiga hadiah penghargaan dalam tiap kategori menerima $500.00 seorang.

Peraduan Menulis Khat ASEAN anjuran Negara Brunei Darussalam dan dikelolakan oleh Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama tahun ini adalah bersempena dengan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1408.

Selain dari hadiah-hadiah dari tiap-tiap kategori, pihak penganjur juga telah menyediakan hadiah wang tunai kepada peserta terbaik keseluruhan kategori. Yang mana hadiah pertama telah dimenangi oleh Haji Wan Abdullah bin Wan Puteh dari Malaysia. Beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak B$3,000.00 tempat kedua, Ibrahim bin Embong juga dari Malaysia menerima hadiah wang tunai B$2,000.00 dan tempat ketiga jatuh kepada Didin bin Sirajuddin dari Indonesia dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak B$1,500.00. Manakala tiga hadiah penghargaan, iaitu B$500.00 tiap-tiap seorang jatuh kepada Sabtu bin Surat, Brunei Darussalam, Mohd. Aris bin Atan, Malaysia dan Haji Abdullah bin Jaafar, Brunei Darussalam.

Pengumuman keputusan tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Awang Haji Abd. Hamid bin Mohd. Daud di majlis penyampaian hadiah itu. Sebelum itu, ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Pengerusi Peraduan Khat ASEAN 1987, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail, Pengarah Pusat Dakwah Islamiah.

Di hari yang sama Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam yang menjadi tetamu kehormat di majlis itu juga telah membuka rasmi Preview Pameran Peraduan Menulis Khat ASEAN 1987 bersamaan 1408 yang dibukakan kepada orang ramai hingga 1 September lepas.



YANG Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Yahya kelihatan menunjukkan minat akan tulisan-tulisan khat yang dipamerkan di preview tersebut. Juga kelihatan dalam gambar ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Ali serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.



YANG Dimuliakan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama ketika merasmikan Preview Pameran Peraduan Menulis Khat ASEAN yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah.



YANG Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Yahya, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam menyampaikan hadiah kepada Haji Wan Abdullah bin Wan Puteh dari Malaysia yang muncul sebagai peserta terbaik keseluruhan kategori.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah kepada pemenang kedua dalam kategori C, Awang Sabtu bin Surat.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Yahya, menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama Peraduan Khat dalam kategori B, Didin bin Sirajuddin dari Indonesia.

Ceramah Khas Ceramah Khas Ceramah Khas Ceramah Khas Ceramah Khas

# HIJRAH NABI: PUKULAN K.O. KPD KAUM KAFIR

**BERIKUT ialah Ceramah Khas sempena menyambut kedatangan Tahun Hijrah 1408 yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang disiarkan Radio Televisyen Brunei pada 25 Ogos, 1987.**

**MULA-MULA kita melihat apa makna 'Hijrah'** itu? Hijrah dalam bahasa Arab maknanya bercerai lawan kepada berhubung, berpindah dari satu negeri ke negeri yang lain, meninggalkan yang pertama kepada yang kedua. Itu asal hijrah.

Kedua daripada perkataan Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perkara larangan kepada umat Islam supaya jangan bermusuhan sabdanya yang ertinya:

*"Tidak dihalalkan bagi seseorang meninggalkan saudaranya (tidak bercakap) lebih daripada tiga hari."*

Ini juga makna hijrah.

Jadi makna hijrah itu pada kesimpulannya ialah berpindah sama ada berpindah tempat atau berpindah keadaan dan seumpamanya.

Apa pula tujuan hijrah?

Dengan menerangkan sejarahnya kita mendapat jawabnya yang tepat.

1. Secara zahir penghijrahan itu berlaku kerana himpitan kaum Quraisy kafir terhadap Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan kaum Muslimin. Mereka boikot dan serang umat Islam dari segenap sudut lalu dengan hikmat Allah Taala diperintahkan Baginda Rasulullah supaya berpindah daripada negeri yang penduduknya zalim ini.

Hal ini sebenarnya bukanlah atas kemahuan Nabi sendiri tetapi semata-mata kerana terpaksa dan patuh kepada perintah Allah. Ini terbukti dari ucapan selamat tinggal Baginda kepada tanah tumpah darahnya Mekah itu, sabdanya yang ertinya:

*"Sesungguhnya engkau adalah negeri Allah yang paling aku kasihi, sekiranya bukan kerana kaumku mengusir aku daripadamu aku tidak akan keluar."*

2. Hijrah bukan semata-mata suatu tindakan untuk lari dari kezaliman tetapi ada rahsia lebih jauh, untuk menundukkan kafir Quraisy. Dalam jangka panjang akan memberikan pukulan K.O kepada orang-orang kafir itu. Caranya: Mestilah umat Islam membentuk kekuatan lebih dahulu melalui konsep perpaduan: Habluminallah (agama Islam yang menjadi penghubung) dan Habluminannas (ikatan persaudaraan yang dijalin oleh kesedaran dan tanggungjawab beragama).

Dimanakah Habluminallah (agama Islam) itu boleh subur kalau bukan di bumi Islam juga? Dan dimanakah Habluminannas (ikatan persaudaraan) itu boleh subur kalau bukan lingkungan mereka juga?

Jadi oleh kerana itu, wajib hijrah dan diberilah perangsang kepada orang-orang Islam untuk hijrah. Firman Allah Taala dalam Surah An-Nisa ayat 100 yang tafsirnya:

*"Barangsiapa yang hijrah daripada negerinya kerana Allah nescaya dia akan memperolehi negeri tempat tinggal serta penghasilan yang banyak di muka bumi ini. Barangsiapa yang keluar daripada rumahnya senghaja hendak berpindah atau berhijrah kepada Allah dan rasul-Nya lalu dia mati sesungguhnya dia beroleh pahala daripada Allah. Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

Dalam Al-Quran juga mempaparkan, sebaliknya orang-orang yang tidak mahu berhijrah setelah datangnya perintah hijrah itu, sekiranya mereka mati di dalam Mekah, mereka digolongkan orang-orang yang zalim dan mesti menerima azab. Firman Allah yang tafsirnya:

*"Sesungguhnya orang-orang yang dimatikan malaikat ketika mereka menganiaya diri sendiri. Malaikat bertanya: "Bagaimanakah keadaan kamu?" Mereka menjawab: "Kami adalah orang-orang yang lemah (tertindas) di muka bumi." Kata Malaikat: "Bukankah bumi Allah itu luas, kamu boleh berpindah ke mana-mana. Adalah tempat orang-orang ini (yang enggan berhijrah) ialah neraka jahanam dan itulah yang seburuk-buruk tempat tinggal."*

Kita boleh bercakap sedikit mengenai bentuk persaudaraan yang diciptakan oleh falsafah hijrah.

Tugas Nabi yang pertama dalam memperkemas masyarakat Muslimin yang sekarang terdiri dari dua nama: golongan Ansar dan Muhajirin. Tugas itu ialah mempersaudarakan mereka. Si A seorang Muhajir dari Mekah (orang perpindahan) mesti dipersaudarakan dengan si B seorang Ansar penduduk asal Madinah yang Muslim. Persaudaraan itu bukan pada nama sahaja tetapi isi yang dibalut oleh kulit yang teguh sehingga bercantum rapat dan padat lagi kukuh. Itulah Uhwatul Islamiah, persaudaraan Islam. Suatu bentuk persaudaraan yang tidak pernah terjadi sebelumnya yang unik dan mengkagumkan. Persaudaraan Islam. Persaudaraan yang berintikan kasih sayang dan semangat berkorban yang tinggi yang tidak ada tolok bandingan. Sebagai misalan:

1. Seorang Ansar tidak sanggup melihat seorang Muhajir, saudaranya tidak makan.
2. Seorang Ansar tidak akan sanggup melihat seorang Muhajir, saudaranya tidak ada rumah. Kalau dia ada dua rumah, beri satu kepada saudaranya itu, beri bukan disewakan.
3. Seorang Ansar tidak akan sanggup melihat seorang Muhajir, saudaranya tidak ada tanah. Kalau dia ada dua keping tanah, diberi satu kepada saudara itu. Diberi percuma bukan dijual atau disewakan.
4. Dan lebih hebat lagi, seorang Ansar tidak akan sanggup melihat seorang Muhajir, saudaranya 'palak-palak inda bebini', sedang dia sendiri ada dua atau tiga orang isteri. Sanggup dia ceraikan seorang untuk menjadi isteri yang halal kepada saudaranya si Muhajir dan yang paling hebat lagi, yang sanggup diceraikan itu pula ialah yang paling dikasihi, yang paling muda, paling cantik, bukan yang tua.

Tetapi yang terakhir, keempat itu tidak mahu diterima oleh si Muhajir, yang lain-lain-nya boleh diterima, makanan boleh diterima, rumah boleh terima tetapi itu jangan. Ini sudah keterlaluan. Tetapi bagaimanapun inilah yang sebenarnya yang berlaku suatu hal yang tidak pernah terjadi dalam sejarah zaman manapun. Suatu gambaran tentang bentuk persaudaraan Islam (uhwatul Islamiah) yang dicipta atau dilahirkan oleh falsafah hijrah itu. Dan inilah pula dasar persaudaraan yang akhirnya melahirkan negara Madinah yang kuat dan umat yang disebut oleh Al-Quran; Umat yang terpilih, yang paling baik yang menjadi ikutan dan tuan kepada manusia, kepada lain-lain umat.

Begitu cantik dan berkesan sekali falsafah hijrah itu.

Kemudian tidak sampai lapan tahun Baginda Rasulullah berhijrah, bertembunglah secara berdepan ahlulhak dari Madinah dengan ahlul batil dari tanah Mekah dalam peperangan-peperangan Badar, Uhud, Khandak dan Hudaibiah sehinggalah sampai kepada pembukaan atau penaklukan semula Mekah oleh kaum Muslimin.

Sekarang hukum hijrah. Apakah ada hijrah lagi sesudah kemenangan semula umat Islam menakluki Mekah? Jawabnya: Tidak ada lagi. Berdasarkan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: *"Tidak ada hijrah sesudah penaklukan Mekah tetapi yang tetap akan berterusan — dan insya-Allah hingga ke akhir zaman — ialah jihad dan niat yang baik."*

Ertinya pahala hijrah tidak boleh didapati lagi sesudah penaklukan semula Mekah tetapi ia boleh didapat sama dengan pahala hijrah itu sendiri ialah melalui jihad di jalan Allah dan melalui niat yang baik. "Bahawa tiap-tiap perbuatan itu dengan niat dan diperhitungkan bagi tiap-tiap seseorang itu apa yang diniatkan."

Jadi hukum hijrah mansuh. Apa yang memansuhkannya yang dipanggil — iaitu dua perkara pertama jihad dan kedua niat yang baik. Dua-dua ini jika ada pada orang-orang Islam jika dilakukan, dia akan mendapat sama pahalanya dengan pahala hijrah.

Apa mampu ia kita lakukan? Jawabnya, Ya. Bahkan lebih banyak lagi peluang kita kerana jihad itu lebih banyak dan lebih luas lagi bidangnya dari hijrah. Sama juga niat yang baik, tidak terbatas jenis dan macamnya.

Kita jangan sangka jihad itu semata-mata mengangkat senjata. Tidak. Itu hanya satu daripadanya bahkan itu hanya jihad kecil sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam setelah balik daripada peperangan Badar dengan beroleh kejayaan: *"Kita telah balik daripada jihad yang kecil kepada jihad yang lebih besar."* Bertanya para sahabat, *"Apakah jihad yang lebih besar itu wahai Rasullullah?"* Menjawab Baginda: *"Jihad melawan hawa nafsu."*

Ini bersambut pula dengan hadis Baginda lagi yang ertinya: *"Orang yang berhijrah itu ialah siapa yang berpindah, yang menghindar diri daripada perkara-perkara yang dilarang oleh Allah."*

Semua itu hijrah dan itulah kita pada zaman ini. Bukan hijrah meninggalkan tanahair tetapi hijrah terus bertahan memperbaiki diri, mengusai masyarakat, dakwah jalan terus, jangan berhenti sehingga kita mati. Inilah hijrah yang kita sambut, yang kita alu-alukan pada setiap kedatangan awal Muharam.

Ertinya apa juga pergerakan kita kepada kehidupan adalah hijrah.

* Daripada tidak baik kepada baik — hijrah.
* Dari lemah kepada kuat — hijrah.
* Dari tidak pandai kepada pandai — hijrah.
* Dari maksiat kepada taat — hijrah
* Dari tidak sembahyang kepada sembahyang — hijrah.
* Dari tidak berzakat kepada berzakat — hijrah
* Dari tidak haji kepada haji — hijrah
* Dari tidak puasa kepada puasa — hijrah
* Dari meminum arak kepada tidak meminum arak — hijrah.
* Dari menagih dadah kepada membuang — hijrah
* Orang perempuan dari membuka aurat kepada menutupnya — hijrah.
* Dari boros kepada cermat — hijrah.
* Dari bakhil kepada pemurah — hijrah
* Dari tidak kemar kepada kemas — hijrah
* Dari penentang Islam kepada pembelanya — hijrah
* Dari anti ulama kepada mencintainya
* Dari perang kepada damai — hijrah
* Dari penjajahan kepada kemerdekaan - hijrah

Dan pendeknya 1,001 macam kebajikan yang dapat kita lakukan adalah hijrah namanya. Asal sahaja jangan lupa niat yang baik kerana Allah jua. Jangan lari dari ini. Insya-Allah kita akan sama-sama beroleh pahala hijrah itu sebagaimana Rasulullah dan sahabat-sahabat Baginda yang setia.

Untuk penutupnya mari sedikit kita mengambil peluang bersemuka dengan para jemaah haji kita pada tahun ini. Bahawa tuan-tuan dan puan-puan adalah sebenar-benar merupakan ahli-ahli hijrah yang sangat bertuah. Di samping kerana tuan-tuan mendapat berkat daripada bumi hijrah yang sebenar-benarnya juga pekerjaan yang tuan-tuan lakukan itu adalah merupakan tikit hijrah yang boleh membawa tuan-tuan ke negeri yang paling baik, Syurga. Sebagaimana sabda Nabi: *"Haji yang makbul, yang diterima oleh Allah itu tidak ada balasannya yang lain melainkan syurga."* sabdanya lagi: *"Barangsiapa yang menunaikan haji semata-mata kerana mengharapkan keredaan Allah juga, diampunkan dosanya yang terdahulu dan yang kemudian."*

Ini namanya hijrah yang teragung, hijrah dari alam biasa ke alam syurga, hijrah daripda berdosa kepada tidak berdosa, bersih daripada dosa. Apakah yang lebih agung dari ini?

Tetapi dalam pada itu, sayugia elok pula diingati kemungkinan sebaliknya. Wahai saudara-saudara Muslimin. Kemungkinan dari haji marbur kepada haji mardud yakni haji yang diterima kepada haji yang ditolak. Minta dijauhkan kita daripada mendapat haji mardud kerana tidak ada gunanya.

Oleh itu mari kita sama-sama beringat memelihara diri kita setelah beroleh haji mudah-mudahan haji yang mabrur. Caranya ialah dengan memerhatikan tanda-tanda atau alamat-alamat yang bertentangan.

Menurut Al-Imam Nawawi Rahimahullah bahawa haji yang mabrur itu mempunyai alamat-alamat begitu juga sebaliknya. Alamat haji yang mabrur menurut beliau ialah apabila kembali seseorang yang mengerjakan haji itu ke negerinya, dia akan menjadi lebih baik daripada masa-masa yang sudah-sudah. Berhijrah daripada tidak baik atau kurang baik kepada yang lebih baik.

Seperti umpamanya, jika sebelum menunaikan haji, dia seorang yang fasik tetapi sesudah haji dia menjadi seorang yang salih. kalau sebelum haji dia pejudi, peminum dan lain-lain rupa maksiat tetapi sesudah haji dia kikis dan tinggalkan semua itu digantikan dengan berbuat baik dan kebajikan semata-mata.

Inilah dia di antara alamat haji mabrur. Ertinya jika sebaliknya, perangai jahat dan fasik terus menerus hidup tidak ada sebarang tanda perubahan pada dirinya, maka itu alamat buruk bagi haji seseorang itu.



MAJLIS membaca doa akhir dan awal tahun yang diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddien sempena menyambut kedatangan tahun Hijrah 1408. — Gambar oleh Harun Rashid.

# SESUAIKAN BENTUK PENDIDIKAN DGN AJARAN ISLAM



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Ali menyampaikan hadiah kepada Pengiran Abd. Rahman. — Gambar ihsan Pusat Sejarah.

BERAKAS. — Bentuk pendidikan dalam persekolahan hendaklah berlatarbelakangkan ajaran agama Islam dan bersesuaian dengan kehendak yang diperlukan oleh negara Melayu Islam Beraja.

Demikian telah ditekankan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah ketika memberikan ucapan di pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah dilangsungkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada 20 Ogos yang lalu.

Mengenai dengan pertandingan tersebut, Yang Dimuliakan Pehin berkata ianya bukan hanya setakat untuk membaca ayat-ayatnya sahaja tetapi juga mempelajari isi-isi Al-Quran itu supaya kandungannya dapat difahamkan dan menjadi panduan kepada orang-orang Islam.

Pertandingan itu telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud.

Dalam ucapan perasmiannya, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan itu antara lain berkata, pertandingan itu diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian tersebut.

Pengiran Abd. Rahman bin Pengiran Haji Omar dan Dk. Saakdiah binti Pengiran Haji Omar telah muncul sebagai johan qari dan qariah dalam pertandingan itu. Kedua-dua mereka akan mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke Musabaqah Membaca Al-Quran antara kementerian-kementerian.

Seramai lima orang peserta telah menyertai pertandingan tersebut yang telah dikelolakan oleh Pusat Sejarah. Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Dato Paduka Haji Mohd. Ali.

## Waspada terhadap kegiatan yang diungkayahkan

KUALA BELAIT. — Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Belait, Awang Haji Jumat bin Haji Idris mengingatkan para belia dan beliawanis di daerah itu supaya sentiasa berwaspada pada mengungkayahkan segala kegiatan agar ianya tidak bertentangan dengan ajaran agama dan tata-susila kehidupan kita.

Beliau berkata, para belia hendaklah berwaspada pada melaksanakan sebarang kegiatan, bersesuaian dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena hari keputeraan baginda ke-41 tahun bagi daerah itu.

Awang Haji Jumat mengingatkan demikian ketika berucap merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran bagi belia-belia Daerah Belait, yang berlangsung pada 27 Ogos lalu di Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saiffudien di sini.

Menyentuh dengan pertandingan itu, Awang Haji Jumat menegaskan, Islam memang menggalakkan umatnya membaca Al-Quran, yang mana kitab suci itu mengandungi pengajaran dalam segi politik, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya.

Pertandingan tersebut adalah anjuran Majlis Belia Negara Brunei dan dikelolakan oleh Majlis Belia Daerah Belait. Seramai lapan peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

## Praktikkan pengetahuan yang diperolehi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Tanah, Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Haris berharap supaya peserta-peserta yang baru menamatkan kursus Facilitator Kumpulan Meningkat Mutu Kerja baru-baru ini akan mempergunakan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dalam menjalankan tugas seharian.

Menurutnya, mereka di samping itu perlu bersedia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan masing-masing.

Dato Paduka Awang Haji Yahya berkata demikian sejurus sebelum menyampaikan sijil-sijil kepada peserta-peserta yang menamatkan Kursus Facilitator Kumpulan Meningkat Mutu Kerja yang berlangsung di Unit Latihan Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang di sini pada 25 Ogos yang lalu.

Seramai 18 orang pegawai kerajaan dari berbagai jabatan telah menghadiri kursus tersebut.

Menurut jurucakap unit berkenaan, kursus seumpama itu adalah merupakan kali kedua dianjurkan oleh Unit Latihan Pejabat Perjawatan dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN).

Kursus selama seminggu itu telah dikendalikan oleh tiga orang pensyarah dari INTAN.



DATO Paduka Awang Haji Yahya, Pesuruhjaya Tanah menyampaikan sijil kepada Awang Haji Ghazali. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Serasa | 2.9.1987 | Rabu | 9.45–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Mentiri | 2.9.1987 | Rabu | 10.30–11.00 | „ |
| Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar | 2.9.1987 | Rabu | 11.15–11.45 | „ |
| Sekolah Rendah Pulaie | 2.9.1987 | Rabu | 9.30–10.30 | „ |
| Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang | 3.9.1987 | Khamis | 10.00–12.00 | tengah hari |
| Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar | 5.9.1987 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 5.9.1987 | Sabtu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Rendah Mulaut | 5.9.1987 | Sabtu | 11.00–12.00 | tengah hari |
| Sekolah Rendah Birau | 5.9.1987 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kiudang | 5.9.1987 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Rendah Lamunin | 5.9.1987 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |
| Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching | 7.9.1987 | Isnin | 8.45– 9.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kiarong | 7.9.1987 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 8.9.1987 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Anggerek Desa Berakas | 8.9.1987 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap | 8.9.1987 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong | 8.9.1987 | Selasa | 3.30– 4.30 | „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 8.9.1987 | Selasa | 4.30– 5.00 | „ |

## 40 JURURAWAT HADIRI SEMINAR

MUARA. — Seramai 40 orang Jururawat terlatih dari seluruh negara menghadiri seminar Curriculum Awareness yang berlangsung di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah di sini 29 Ogos lepas.

Matron Hajjah Rokiah berkata, seminar itu antara lain bertujuan bagi memperkenalkan kepada para jururawat mengenai curriculum yang terdapat di Maktab tersebut.

Menurutnya, penubuhan Maktab Jururawat ini ialah untuk meninggikan kerjaya jururawat di negara ini.

Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan oleh Puan Margaret A. Brayton, Setiausaha Persekutuan Jururawat Commonwealth.

Seminar selama sehari itu telah dibuka rasmi oleh Awang Ali Hashim bin Haji Daud, Pengarah Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Negara Brunei Darussalam.



AWANG Ali Hashim bin Haji Daud, berucap semasa merasmikan seminar Curriculum Awarness Sabtu lepas. — Gambar oleh Harun Rashid.

### Majlis ceramah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERKASA akan mengadakan majlis ceramah Awal Muharam 1408 di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba Darat 'B' pada hari Khamis, 3 September ini.

Majlis akan bermula dengan Sembahyang Maghrib berjemaah dan diselajurkan dengan majlis doa kesyukuran atas kepulangan para jemaah haji di mukim berkenaan.

Oleh yang demikian semua penduduk kampung berkenaan dan sekitarnya adalah dipersilakan hadir.

## RALAT

LANTIKAN yang tersiar di muka 24 keluaran Pelita Brunei 26 Ogos, 1987 di bawah tajuk makluman hendaklah di baca 'Seri Laila Pengiring Di-Raja.' — Penyunting.

# DI I



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli di Majlis Jamuan Teh dan ramah mesra bersama Jawatankuasa Tertinggi Perayaan serta dengan para peserta yang sama-sama menjayakan acara-acara perayaan hari keputeraan baginda yang ke-41 tahun di Dewan Kemasyarakatan Tutong pada hari Khamis 27 Ogos lepas.

Keberangkatan tiba baginda dengan pesawat helikopter di pekarangan rumah Pegawai Daerah Tutong telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pegawai Daerah Tutong dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Baginda di daerah tersebut.

Sebelum berangkat ke Majlis Jamuan Teh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan berbagai-bagai persembahan kebudayaan dan cara serta adat kehidupan bagi puak-puak yang bermastautin di Daerah Tutong.

Antaranya termasuklah cara-cara memproses ambulong (sagu), cara membuat parang, membubu dan lain-lain kegiatan yang dilakukan oleh penduduk-penduduk luar bandar untuk keperluan harian.

Rakyat dan penduduk baginda dari berbagai-bagai peringkat berduyun-duyun datang membanjiri kawasan lapang berdekatan Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi menyaksikan wajah baginda dengan lebih dekat lagi, dengan tidak melepaskan peluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.

Walaupun keadaan cuaca agak panas di hari tersebut, kegembiraan jelas di wajah baginda di sepanjang majlis itu berlangsung.

Bagi memberkati majlis jamuan yang dikurniakan oleh baginda itu, doa kesyukuran telah dibacakan oleh Kadi Daerah Tutong, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia
daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
yang menghadiri majlis ramah

GAMBAR kiri kelihatan baginda

BAGINDA bersalam-salaman dengan
gambar ialah putera baginda, Yang

SUASANA sebahagian daripada
mesra yang telah dilangsungkan





# ...S KESYUKURAN DAN RAMAH MESRA
# ...A NURUL IMAN DAN DAERAH TUTONG



LIPUTAN ZUBAIDAH HS

GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. ABU BAKAR PHO, HARUN RASHID DAN PG. HJ. YAAKUB

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang menyaksikan pertunjukan menumbuk padi yang disembahkan oleh kaum wanita di daerah tersebut (kiri).

GAMBAR kanan kelihatan baginda sedang menerima junjung ziarah sebahagian daripada orang ramai yang menjunjung dan mengalu-alukan keberangkatan baginda.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat turun setelah menyaksikan rekabentuk sebuah rumah kediaman salah satu puak asli Daerah Tutong (bawah).







PERTUNJUKAN perusahaan membuat sagu (ambulong) turut menarik perhatian baginda seperti kelihatan gambar atas. Gambar bawah pula kelihatan baginda sedang mendengar penerangan dari salah seorang penduduk tentang hasil tanaman ubi belayar yang diusahakan.



...Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-... menerima junjung ziarah dari rakyat baginda ...Iman (atas kiri).

...salaman dengan orang-orang cacat

...ramai (bawah kiri). Juga kelihatan dalam ...Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

...kawasan Istana Nurul Iman di majlis ramah ...Brunei dan Muara (bawah).



# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 2 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
4.55 WIND IN THE WILLOWS: "Toad Astronomer"
5.20 DEFENDERS OF THE EARTH: "Door Ways Into Devil'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "Teacher's Pet"
6.20 SURVIVAL: "Birds From Hades"
6.27 AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.42 SURVIVAL — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 SMALL WONDER: "You Gotta Have Heart"
7.36 AZAN ISYAK
7.41 SMALL WONDER — sambungan
8.00 L. A. LAW: "Gibbon Take"
8.50 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 REKASENI
10.25 EUROTOPS (Siri baru)
10.55 THE COLBYS: "Deceptions" Miles dan Jeff terkejut apabila Sable mendedahkan rahsia Fallon ke segenap ahli keluarga mereka, sementara Monica sedar ia masih menyintai Cash. Bliss pula mendapat tahu ia menjadi ancaman pada masa depan Kolya.
11.55 SIARAN TAMAT.

## 3 SEPTEMBER HARI KHAMIS

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN: "Pemulihan Anggota"
6.05 1, 2, 3 GO
6.15 KISSYFUR
6.26 AZAN MAGHRIB
6.31 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.41 KISSYFUR — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.36 AZAN ISYAK
7.41 WEBSTER: "A Taste Of Characters" Webster telah memenangi pertandingan gambar tetapi gurunya, Terry, yang mendapat pujian dan akhirnya Terry mengaku akan tipu muslihatnya.
8.00 MIAMI VICE: "Trust Funds Pirates"
8.50 ECONOMIC MADE EASY
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 DUNIA MINGGU INI
10.25 MAGNUM P. I.: "Paper War" Magnum kali ini cuba menumpaskan satu kumpulan perjudian utama di sebuah pulau. Sedang ia dan Higgin bermusuhan.
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Army Of Shadow"
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 4 SEPTEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan
1.00 THE REAL GHOSTBUSTERS: "Slimer Come Home"

**PETANG**

1.25 RACCOON: "The Runaway"
1.55 ARENA SUKAN
2.50 MASK: "The Oz Effect"
3.15 AL-KISAH: "Burung Gagak Dengan Burung Camar" (ulangan)
3.25 AZAN ASAR
3.30 AL-KISAH — sambungan
3.35 MAGIC CORNER
4.10 FLAME TREES OF THIKA: "Hyneas Will Eat Anything"
5.10 WORKING FOR SAFETY
5.35 TERRY AND JUNE: "Jun's Holidays Weekend"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TERRY AND JUNE — sambungan
6.05 WHY AND WHEREFORES: "Why Do We Need Air?"
6.26 AZAN MAGHRIB
6.31 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.41 WHY AND WHEREFORES — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 LIFE'S MOST EMBARRASSING MOMENTS
7.35 AZAN ISYAK
7.40 LIFE MOST EMBARRASSING MOMENTS — sambungan
8.10 MacGYVER: "Twice Stung" MacGyver, Thornton dan Joanne Remmings bekerjasama dalam satu operasi menghapuskan seorang pengkhianat yang telah menipu wang simpanan kawan mereka.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 HEAD OF THE CLASS: "Gold Turkey"
10.20 FALCON CREST: "The Stranger Within"
11.20 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 5 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WILDLIFE ON ONE: "Grizzly"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ALF: "Oh Tannerbaum" Alf mengharapkan hari krismas pertamanya dan bila mengetahui tidak ada salji di Los Angeles dan bila Tanner merancang mendapatkan pokok krismas palsu, ia merunding Willie supaya pergi ke pergunungan bersalji untuk pokok mereka sendiri.
6.20 TELEBUGS
6.25 AZAN MAGHRIB
6.30 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.40 TELEBUGS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 THREE'S COMPANY: "Look What I Found"
7.35 AZAN ISYAK
7.40 THREE'S COMPANY — sambungan
8.00 SHELL GAME: "The Upstairs Gardener"
8.50 ATHLETIC TRAINING SERIES: "The Relay"
9.00 WARTA BERITA
9.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
10.55 ENTERTAINMENT THIS WEEK
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 6 SEPTEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 MUSICAL: "Sade"
12.21 AZAN ZUHUR
12.26 MUSICAL — sambungan

**PETANG**

1.10 BIG LEAGUE SOCCER 1987/88: "Portsmouth vs Southampton"
1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Voyage Of The Rock Aliens" Sebuah filem khayalan yang menceritakan mengenai makhluk asing yang mendarat di dunia untuk mencari muzik rock.
3.23 AZAN ASAR
3.28 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
3.35 SMURFS
4.00 SILVERHAWKS: "Magnetic Attraction"
4.25 DRAMA (SBC): "Dalam Timbunan Emas"
5.05 REAL PEOPLE
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 REAL PEOPLE — sambungan
5.55 CENTURIONS: "Showdown At Skystalk"
6.20 GROWING PAINS: "Reputation" Mike dituduh menipu di sekolah setelah ia menerima gred tertinggi di kelasnya. Dapatkah ia meyakinkan Jason, Maggie dan gurunya yang ia tidak bersalah?
6.25 AZAN MAGHRIB
6.30 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.40 GROWING PAINS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 ALAS SMITH AND JONES (Episod terakhir)
7.34 AZAN ISYAK
7.39 ALAS SMITH AND JONES — sambungan
8.10 MATLOCK: "The Angel" Seorang bintang rock seperti Madonna telah dituduh membunuh pengurusnya dan is mengupah Ben dan Charlene untuk membelanya.
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT ASIA
9.55 HIBURAN MINGGU INI
10.35 DRESS GRAY (Episod akhir)
11.25 CALL ME MISTER: "Long Shot" Bhg. II
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 7 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALPHABET GAMES: "The Letter — "D"
4.45 BITS AND PIECES: "Cats"
4.55 JOHNNY QUEST: "The Sky Borg"
5.20 THE WORLD ABOUT US: "On The Tracks Of The Wild Otter"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 WORLD ABOUT US — sambungan
6.20 EDISON TWINS: "Lance's Luck" Dengan niat untuk menyelamatkan Weston Lanes Bowling Alley yang menghadapi masalah kewangan, Lance memujuk Tom dan Annie memasuki pasukannya untuk pertandingan bowling tahunan dan mereka membuktikan bakat dan permainan yang adil itu lebih penting dari hanya nasib.
6.24 AZAN MAGHRIB
6.29 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.39 EDISON TWINS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WHO'S THE BOSS? "Semi-Private Lives"
7.34 AZAN ISYAK
7.39 WHO'S THE BOSS? — sambungan
8.10 HEART OF THE CITY: "Chemistry Of Rage"
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Death Wish I"
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 8 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 LETS READ WITH BASIL BRUSH (Episod akhir)
4.55 SQUARE ONE
5.20 PUNKY BREWSTER: "Camp Confusion"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TIMANG TINGGI-TINGGI
6.15 SEARCH FOR ADVENTURES: "Prairie In The Sky"
6.24 AZAN MAGHRIB
6.29 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.39 SEARCH FOR ADVENTURES — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 MARI MEMASAK: "Ayam Vandaloo"
7.33 AZAN ISYAK
7.38 MARI MEMASAK — sambungan
8.05 CODENAME: FOXFIRE: "Pick A Hero, Any Hero"
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
9.45 ARENA SUKAN
10.30 MONTE CARLO
11.20 NEVER THE TWAIN: "No Flame Like An Old Flame"
11.55 SIARAN TAMAT.

## Mari Memasak:

# AYAM VANDALOO

BAHAN-BAHAN-NYA :—

- 1 ekor ayam (3 atau 4 kati)
- 1 sudu makan jintan putih
- ½ sudu makan jintan manis
- ½ sudu makan serbuk kunyit
- 1 biji kelapa (perahan yang kedua sahaja)
- 8 biji bawang putih
- 15 biji bawang merah
- 4 sudu makan cuka
- 2 sudu makan biji sawi
- 1 sudu teh garam
- 5 sudu makan minyak sayur-sayuran
- 2 tangkai daun kari.

CARA-CARA MEMBUATNYA :—

Cuci dan potongkan ayam atau daging selebih-lebih 2cm.

Kisar bahan-bahan seperti bawang merah, bawang putih dan 1 sudu makan biji sawi dengan sedikit cuka. Campurkan bahan-bahan yang sudah dikisar dengan serbuk lada, jintan putih dan jintan manis dan serbuk kunyit.

Gaulkan bahan-bahan yang dikisar dengan ayam atau daging, biarkan selama 2 jam. Panaskan minyak dahulu di dalam periuk sampai kuat panas. Apabila sudah panas masukkan daun kari sehingga daun kari berubah warna coklat dan masukkan ayam dan gaul lagi sampai keluar kuat harum baunya. Sekarang kurangkan sedikit suhu panas, masukkan air atau santan yang telah diperah dari kelapa dan lebih cuka (1 sudu makan), garam dan tutupkan periuk sampai kuahnya menjadi pekat.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## *TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM*

### BIL: JKR 314 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' sahaja untuk:

PROJEK No.: 87AD/27100
PEMBINAAN DAN PENYEMPURNAAN SAMBUNGAN JALAN DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 September, 1987.

Tarikh tutup: 14 September, 1987.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $300.00 (lukisan).

### BIL: JKR 315 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD415/0401
KLINIK KESIHATAN 2 JENIS STANDARD, KAMPONG TELISAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 September, 1987.

Tarikh tutup: 14 September, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 316 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000929
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 2 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'C' DAN 3 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'F' YANG SEDIA ADA DI JALAN SUNGAI HANCHING BESAR, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 September, 1987.

Tarikh tutup: 7 September, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 317 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/28804
